

Tarikh Dibaca: 06 Januari 2017

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“KEBAIKAN DIAMALI,
KESEJAHTERAAN HIDUP DINIKMATI”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2017

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)**
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 9. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 10. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Majlis Agama Islam Selangor
- 11. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



"KEBAIKAN DIAMALI, KESEJAHTERAAN HIDUP DINIKMATI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ
وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ. ¹ ﴿١٠٤﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

¹ Ali-Imran; 104



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan hidayah-Nya kita berada di tahun baru Masihi 2017. Oleh itu, saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita di tahun baru ini lebih diberkati oleh Allah SWT.

Bersempena kehadiran tahun baru, Khutbah Jumaat pada hari ini akan menarik pendengaran dan penghayatan jemaah sekalian berhubung dengan tajuk "**KEBAIKAN DIAMALI, KESEJAHTERAAN HIDUP DINIKMATI**".

Hadirin Jumaat yang dirahmati sekalian,

Allah SWT telah menurunkan Al-Quran yang mengandungi panduan bagaimana untuk memperoleh kesejahteraan hidup di dunia dan di Akhirat. Jika diteliti, sememangnya antara intipati ajaran Islam adalah mengenai kesejahteraan. Perkataan Islam itu sendiri bermakna kesejahteraan dan keselamatan. Oleh itu, tanpa kesejahteraan, manusia akan sentiasa dibelenggu dengan kerisauan dan ketakutan.

Oleh itu, Syariat Islam bertindak sebagai sumber kehidupan yang teratur dan harmoni untuk mewujudkan asas-asas keselamatan dan kesejahteraan berlandaskan kepada memelihara lima perkara utama iaitu memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Jika syariat Islam ini diabaikan, pelbagai masalah dalam kehidupan harian, urusan negara, ekonomi dan sosial akan timbul dan menyebabkan Islam hanya tinggal pada nama sahaja.



Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Kini, kita berhadapan dengan peredaran masa dan kemajuan yang pesat, begitu juga perubahan pada pemikiran dan tindakan yang amat ketara yang boleh mencabar dan menggugat kesejahteraan. Apapun kesejahteraan adalah tetap menjadi matlamat utama dalam Islam. Persoalannya bagaimana kita hendak mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian ini? Bagaimana pula kerajaan berperanan memastikan kesejahteraan ini terus terpelihara?

Dalam hal ini, Islam telah menunjukkan suatu kaedah yang boleh menjaga kesejahteraan iaitu kaedah Al-Khair (kebaikan) dan At-Taqwa. Oleh kerana taqwa kepada Allah dan amalan-amalan kebaikan yang dikerjakan seperti solat dan zakat yang ditunaikan pasti memberikan kejayaan kepada umat Islam. Kejayaan ini termasuklah keamanan yang dinikmati. Ini sebagaimana Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Hajj ayat 77:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا
رَبَّكُمْ وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkan-Nya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).

Ini termasuklah pemimpin pelbagai peringkat hendaklah memahami dan menghayati maksud Firman Allah ayat 73 Surah Al-Anbiya' untuk mencapai kesejahteraan kepimpinan mereka dan yang dipimpin:



وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ
الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَابِدِينَ



"Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami".

Hadirin Jumaat yang dirahmati sekalian,

Islam adalah agama yang menganjurkan kebaikan dan tidak menyuruh kepada keganasan atau ekstremis yang boleh merosakkan kehidupan manusia. Malah Islam menggesa umatnya untuk bermasyarakat seperti amalan solat berjemaah dan membantu yang susah ibarat sekawan lebah yang sama-sama membina sarang dari bahan-bahan sekitarnya dan sentiasa aktif di dalam proses pembinaannya. Ini bermakna amalan ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji yang ditunaikan bersama adalah satu proses pembinaan diri dan masyarakat ke arah kesejahteraan.

Inilah yang berlaku kepada pemerintahan Nabi Muhammad SAW dan Khulafa' Ar Rasyidin di Kota Madinah. Dalam tempoh empat puluh tahun, pembentukan masyarakat telah mencapai kesempurnaan dan dilengkapi dengan asas peraturan dan sistem dalam bidang agama, politik, kemasyarakatan dan ekonomi. Dasar takwa dan amalan-amalan kebaikan seperti amalan fardhu ain, menghayati konsep halal haram dalam harta dan keadilan dalam pemerintahan telah sempurna disemai dan dihayati. Akhirnya lahirlah umat Islam yang terbaik dalam sejarah sebagai Umat yang berjaya



melahirkan satu sistem kehidupan yang sempurna mengikut ketetapan Allah SWT dengan melaksanakan perintahNya. Umat yang berjaya mengatasi bangsa lain dalam kemajuan dan tamadun ilmu sains, pendidikan, perubatan, ketenteraan dan sebagainya.

Ketahuilah, Islam tidak pernah menyekat kebebasan kepada umatnya dalam urusan-urusan kehidupan seperti mencari rezeki, berpolitik, berhibur, bersukan dan sebagainya. Malah sebaliknya diberikan kebebasan di dalam batas-batas yang ditentukan oleh Allah SWT. Islam menyuruh kita mencari kebaikan dalam urusan-urusan ini untuk mencapai kepentingan umum dan diri sendiri tetapi dalam masa yang sama menolak segala unsur-unsur haram, penipuan dan kemungkaran. Ini kerana unsur-unsur ini boleh mengakibatkan kemudharatan diri, kemusnahan harta benda, kemunduran ekonomi dan kesengsaraan hidup yang akhirnya merosakkan masyarakat dan negara.

Al-Quran telah menceritakan bahawa manusia yang tiada amalan taqwa dan kerja-kerja kebaikan sebaliknya banyak dosa dan maksiat yang dilakukan akan mengundang kepada kebinasaan dan kehancuran. Sebagai contoh, kaum Nabi Nuh tenggelam dalam banjir besar kerana menghina Nabi Nuh AS, kaum 'Ad yang mempunyai kepakaran membina bangunan telah dibinasakan oleh Allah dengan ribut angin sejuk lagi kencang selama 7 malam 8 hari kerana kemaksiatan mereka, kaum Tsamud pula binasa semua di kediaman masing-masing akibat gempa bumi yang dahsyat kerana perbuatan syirik mereka dan akhir sekali kaum Nabi Luth yang melakukan dosa liwat musnah dengan azab turunnya hujan batu kepada mereka. Allah SWT berfirman dalam Surah Hud ayat 82:



فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا
حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ مَّنضُودٍ

"maka apabila datang (masa pelaksanaan) perintah kami, kami jadikan kaum lut itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada dimuka buminya) dan kami menghujaninya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menyimpannya bertalu-talu."

Sebaliknya Allah telah dan akan terus menyelamatkan penduduk dan negeri yang beriman, bertaqwa dan sering melakukan kebaikan malah Allah turunkan kesejahteraan dan keberkatan sebagaimana firman Allah ayat 96 Surah Al-A'araf yang bermaksud:

"Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi tetapi mereka dustakan, lalu kami seksa mereka lantaran apa yang mereka telah usahakan".

Hadirin Jumaat kekasih Allah sekalian,

Oleh itu, Islam amat menggalakkan umatnya agar memperbanyakkan amalan kebaikan yang memberikan faedah yang berpanjangan dan boleh dinikmati kita semua iaitu nikmat kesejahteraan. Negara sejahtera dan negeri berkat kerana amalan kebaikan penduduknya. Amalan kebaikan orang lain pun, kita dapat merasai kesan kebaikannya. Allahu Akbar! Besarnya nikmat kurniaan Allah. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:



...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

“...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)”.

Muslimin Jumaat sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, dengari dan hayatilah pedoman dan panduan berikut:

1. Umat Islam hendaklah menyuburkan amalan kebaikan dan taqwa di dalam diri pada sepanjang masa.
2. Umat Islam hendaklah memahami bahawa kesejahteraan datang dengan sebab amalan kebaikan dan taqwa.
3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa kemusnahan dan kebinasaan pula datang menimpa atas sebab perbuatan dosa dan kemungkaran.
4. Umat Islam hendaklah hormat-menghormati, tolong-menolong dan nasihat-menasihati dalam kebaikan dengan semangat persaudaraan Islam.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ
يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

" Dan orang-orang Yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana" (At-Taubah :71)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ
شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ



سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِّ. اَللّٰهُمَّ
اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ
مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْرٍ، تَعَكُّوْا اَمِيْرَ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ فِيْ اَمْنٍ
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti kemarau



panjang, banjir besar, wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS).

Ya Allah, peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bantulah umat-Mu Rohingya yang sedang diuji dengan ujian dan kezaliman yang amat hebat dan dahsyat, semoga engkau ya Allah menurunkan Izzah kepada saudara kami Rohingya dan menghancurkan rejim kuffar dengan tentera-tentera-Mu ya Allah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul
30.12.2016